

Fasih bahasa Inggeris tidak rugikan Melayu

Oleh Shaiful Amri Ahmad Safian

BARU-BARU ini persoalan mengenai wajarkah matematik dan mata pelajaran sains diajar di dalam bahasa Inggeris kembali terpapar di dada media cetak. Ada yang menyokong dan ada yang membantah langkah ini.

Namun saya tetap menyokong pelaksanaan dasar ini kerana ia mampu membantu meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dalam kehidupan. Saya adalah bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam yang majoriti pelajar aliran sains tulen pada 1999 dan 2000 adalah pelajar Cina.

Daripada hampir 130 pelajar sains tulen pada tahun berkenaan, hanya terdapat 15-16 pelajar Melayu. Saya juga melanjutkan pelajaran di sebuah fakulti kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM). Mengikut pengalaman yang saya alami sepanjang zaman persekolahan dan universiti, saya sedar betapa pentingnya dasar ini dilaksanakan.

Pada zaman persekolahan lagi apa yang dapat dilihat pada waktu itu, saya hanya menguasai bahasa Melayu sebagai pertuturan harian saya dan penguasaan bahasa Inggeris saya masih pada tahap 'merangkak'. Tetapi anak bangsa lain majoritinya amat fasih berbahasa Inggeris. Mereka sudah menguasai tiga bahasa pertuturan iaitu Inggeris, Kantonis dan bahasa Melayu. Ini adalah satu kelebihan bagi anak Malaysia yang lain.

Saya yakin pada masa berkenaan, kebanyakan sekolah masih mempunyai masalah sama. Persoalannya di sini bagaimanakah anak Malaysia yang lain fasih berbahasa Inggeris tetapi bukan anak Melayu?

Kenapakah hanya masyarakat Melayu yang lebih banyak membantah dasar ini sementara sebahagian besar bangsa lain begitu positif dengan dasar ini? Ada juga

yang mendakwa dengan melaksanakan dasar berkenaan, ia akan lebih menyukarkan kita bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan persoalan adakah dasar ini sesuai bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris?

Jika kita tanya diri sendiri dan lihat keadaan di sekeliling kita sekarang, tentu kita sedar begitu ramai lagi anak kita yang masih tidak menguasai bahasa Inggeris termasuk sebilangan graduan universiti.

Jika ditanya pada anak yang fasih bahasa Inggeris adakah mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah, saya yakin 99 peratus akan mengatakan 'ya'.

Inilah yang dialami oleh saya sendiri pada zaman persekolahan dan saya yakin sekarang semakin ramai yang berbuat begitu. Tetapi ingin saya timbulkan satu persoalan pada fikiran anda semua, daripada 99 peratus yang menjawab 'ya' sebelum ini daripada golongan mana? Bumiputera ataupun bukan Bumiputera? Berapa ramai keluarga Bumiputera yang bertutur sekurang-kurangnya 50 peratus bahasa Inggeris di rumah?

Jangan hanya lihat di sekitar bandar besar saja tetapi lihat juga pekan kecil dan kawasan pedalaman. Tentu anda sendiri tahu jawapannya. Terus terang saya katakan bagi mempelajari belajar bahasa, adalah tidak mencukupi jika sekadar mengikutinya di sekolah atau kelas tambahan di luar.

Ia memerlukan banyak aspek latihan dari segi pengucapan agar dapat membiaskan diri dengan bahasa itu sendiri. Jadi dengan dasar berkenaan, sekurang-kurangnya ada aspek tambahan di dalam subjek Matematik dan Sains itu sendiri yang akan lebih menolong ramai pelajar menguasai bahasa Inggeris dan secara tidak langsung membiaskan diri bertutur dan menggunakan bahasa Inggeris di dalam latihan Matematik dan Sains.

811-2711/2007
Bagi mahasiswa yang masih belajar di institusi pendidikan tinggi (IPT) tidak kiralah aliran sastera ataupun sains, mahu tidak mahu bahasa Inggeris sememangnya nilai tambah yang penting dalam pengambilan kerja selepas tamat belajar.

Sebagai bekas pelajar kejuruteraan di USM, saya tahu betapa pentingnya bahasa Inggeris sepanjang tempoh di universiti. Memang tidak dapat dinafikan sebahagian besar buku rujukan dalam aliran sains di universiti hanya boleh didapati dalam bahasa Inggeris. Jadi amat penting anak di peringkat menengah dan rendah mempunyai asas bahasa Inggeris yang kukuh agar tidak ketinggalan apabila menyambung pelajaran di IPT.

Bagi penuntut aliran sastera, adalah tidak patut anda mempersoalkan kewajaran pengajaran subjek tertentu di IPT dalam bahasa Inggeris dengan alasan ia sukar difahami atau tidak relevan tetapi anggaplah ia salah satu cabaran pada anda supaya anda dapat memahami subjek itu di dalam bahasa Inggeris.

Selain itu, perlu diingatkan kepada mahasiswa saranan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn kita seharusnya meneroka peluang pekerjaan bukan saja di dalam tetapi juga di luar negara bagi membuktikan universiti di negara kita sememangnya bertaraf antarabangsa.

Untuk tujuan berkenaan, penguasaan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris mahupun bahasa ketiga yang lain amat penting bagi membolehkan aspirasi ini tercapai. Selain itu kita juga perlu lihat dari sejarah silam Islam sendiri. Sebelum datangnya agama Islam, boleh dikatakan dunia di dalam zaman kegelapan dan bahasa Arab sendiri tidak dapat dikembangkan dengan begitu meluas.

Tetapi selepas datangnya Islam yang dibawa oleh junjungan mulia Rasulullah SAW, perkembangan yang amat pesat ber-

laku dalam pelbagai cabang ilmu. Apa yang turut berlaku ialah selepas perkembangan ilmu secara meluas yang diperkenalkan pada zaman tamadun Islam, banyak kitab ilmu sains Islam diterjemah ke dalam bahasa Arab.

Di sini dapat dilihat dengan perkembangan ilmu lain yang membawa kemajuan dan pembaharuan dalam kehidupan akan menyebabkan bangsa lain berminat untuk mempelajari ilmu baru yang telah diperkenalkan.

Keadaan ini secara tidak langsung mengembangkan bahasa Arab sehingga ke negara lain termasuk sebahagian benua Eropah. Maka bagi pendapat saya, langkah pengajaran Matematik dan Sains di dalam bahasa Inggeris adalah salah satu langkah permulaan yang sememangnya sesuai serta sepadan dengan sejarah Islam itu sendiri.

Untuk kita menguasai ilmu sains dan teknologi sekarang, mahu tidak mahu kita harus mempelajarinya di dalam bahasa Inggeris supaya pertukaran ilmu akan lebih berkesan dan apabila sampai masa negara kita menjadi sebuah negara yang menerajui sains dan teknologi dunia, bangsa lain di dunia akan mempelajari bahasa Melayu.

Ingin saya nyatakan, kerajaan tidak sekali mengabaikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Jika dilihat dasar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masih lagi sama iaitu mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengajaran mereka dan dapat dilihat juga daripada pelbagai subjek yang diajar di sekolah, hanya dua subjek diwajibkan untuk dasar ini.

Jadi adalah tidak wajar bagi sesetengah golongan menyatakan bahawa langkah ini akan menghalang kita memartabatkan bahasa Melayu. Tetapi langkah ini adalah satu permulaan bagi negara kita mencapai status negara maju dan mencapai era kemegahan.